



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
BAHAGIAN KASTAM, CAW. IMPORT/EXPORT  
ARAS 4 SELATAN, BLOK 2G 1B PRECINT 2,  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62510 PUTRAJAYA  
Telefon: 603-8882 2100 (GL), 603-8882 2757 (DL), Fax: 603-8882 2655  
LamanWeb: [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)  
E-mail: martin@customs.gov.my

Ruj. Kami : KE.HE(-)379 / 12 Kit.6 (25)

Tarikh : 10 April 2008

SEMUA PENGARAH KASTAM NEGERI

PENGARAH KORPORAT  
Ibu Pejabat

Y.Bhg. Dato' / Tuan.

RECEIVED  
17 APR 2008

BY: -----

Memansuhkan Keperluan Gambar Pemohon Semasa Mengemukakan Permohonan Sebarang Lesen / Kelulusan Kastam

Perkara tersebut adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Dato' / Tuan keperluan mengemukakan gambar pemohon bersama dengan permohonan telah lama diamalkan oleh Jabatan Kastam. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Panel Perunding Kastam – Swasta 2/2007, yang telah diadakan pada 12 Disember 2007.

3. Pihak swasta berpendapat bahawa semua lesen / kelulusan Kastam adalah dikeluarkan kepada '*legal entities*' dan bukan kepada individu dan oleh yang demikian keperluan gambar pemohon adalah tidak relevan. Lesen kelulusan yang dikeluarkan kepada '*legal entities*' adalah bermakna lesen / kelulusan yang dikeluarkan kepada syarikat berbanding dengan lesen / kelulusan yang di keluarkan kepada individu.

4. Berdasarkan kepada keputusan yang dibuat di Mesyuarat Panel Perunding Kastam – Swasta 2/2007 Ibu Pejabat telah membuat ketetapan untuk memansuhkan keperluan gambar pemohon untuk semua permohonan yang mana lesen / kelulusan dikeluarkan kepada '*legal entity*' mulai dari tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(Dato' Hj. Ismail Hj. Ibrahim)  
Pengarah Kastam  
Bahagian Kastam  
b.p. Ketua Pengarah Kastam,  
Malaysia

s.k.

1. Pengerusi  
Federation of Malaysian Freight Forwarders (FMFF)  
Wisma AFAPK  
No.23, Jalan Cemerlang  
42000 Port Klang. Selangor